

28 OCT 2002

BAHASA INGGERIS: 14 NGO DI T'GANU SOKONG CADANGAN KERAJAAN

KUALA TERENGGANU, 28 Okt (Bernama) -- Sebanyak 14 badan bukan kerajaan (NGO) di Terengganu menandatangani surat sokongan terhadap cadangan kerajaan melaksanakan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris mulai tahun depan.

Surat sokongan itu ditandatangani sempena Perhimpunan Menyokong Pengajaran Mata Pelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris yang diadakan di perkarangan pejabat Umno negeri di sini petang semalam.

Lebih 500 wakil NGO menghadiri perhimpunan hampir sejam itu yang turut disertai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu, Datuk Idris Jusoh.

Antara NGO yang menyertainya ialah Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Kelab Ramaja Islam Malaysia (KRIM), Majlis Belia Negeri dan Persatuan Bekas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan negeri.

Bercakap kepada pemberita kemudiannya, Idris berkata surat sokongan itu akan dihantar melalui faks ke pejabat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Sementara itu, GPMS dalam satu kenyataan berasingan mendesak Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad menggunakan Akta Pendidikan 1996 yang memberi kuasa penuh kepadanya untuk melaksanakan cadangan itu.

-- BERNAMA
AYB MRA RHM